

08 OCT 2001
LIMA-Maritim
SEMUYANA SIAP BAGI SEGMENT MARITIM LIMA 01

LANGKAWI, 8 Okt (Bernama) -- Semuanya berjalan lancar bagi segment maritim di Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima 01) yang bermula esok dengan 30 buah kapal perang dan 24 laksmana tentera laut telahpun tiba di Awana Porto Malai di sini, hari ini.

Tan Sri Wahab Nawi Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn Bhd, penganjur segment itu, yang gembira dengan penyertaan lebih daripada 270 pempamer daripada 22 negara hari ini berkata industri maritim tempatan perlu menggunakan Lima 01 sebagai platform untuk memperkenalkan produk Malaysia.

"Dengan lebih daripada 130 delegasi perdagangan dari luar negara, mereka perlu mengambil kesempatan ini untuk menjual produk-produk mereka yang setaraf dengan keluaran negara-negara lain walaupun penerimaan dan kesesuaian harganya akan mengambil sedikit masa," kata beliau kepada pemberita di sini.

Beliau berkata pameran segment maritim itu akan mempamerkan setiap sudut maritim termasuk aspek pelancongan dan perikanan di rantau ini dan bukan hanya pertahanan seperti tanggapan lazim.

Wahab berkata enam pengeluaran kapal utama di negara ini yang mengambil bahagian dalam pameran kali ini perlu sedar mengenai pentingnya industri maritim yang telah lama wujud di rantau ini dan sentiasa berkembang.

Beliau berkata antara intipati utama dalam segment itu ialah penyertaan helikopter Perancis 'Fennec' yang disewakan oleh sayap udara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Para pelawat juga akan mempunyai peluang untuk melihat rekabentuk terbaru bot pertempuran CB-90H, bernilai RM3.8 juta yang dibeli oleh pasukan khas TLDM, Paskal, katanya.

Wahab berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyaksikan majlis penyerahan bot itu oleh pembuatnya Dockstavarvet AV dari Sweden kepada TLDM pada 11 Okt.

Sementara itu, Pengarah Pusat Operasi Maritim Kapt Abdul Hadi Abdul Rashid berkata pelbagai jenis kapal perang dari Itali (ITS San Guisto), India, Indonesia, Singapura, Thailand, Bangladesh dan Sri Lanka telah berlabuh di sini, hari ini.

Sebanyak 20 kapal TLDM termasuk KD Jebat dan KD Lekiu selain kapal jenis peronda dan peninjau termasuk dari beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan maritim iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Polis Marin dan Jabatan Perikanan turut berlabuh.

Abdul Hadi berkata pada pameran kali ini, orang ramai berpeluang melihat dua bot pertempuran CB-90H yang digunakan Pasukan Khas TLDM, Paskal di kawasan timur Sabah yang mempunyai kemampuan dan kelajuan tinggi serta digunakan dalam operasi tindak balas, katanya.

Orang ramai juga berpeluang menyaksikan persembahan "street march" oleh 800 pegawai dan anggota tentera laut pelbagai negara termasuk kumpulan pancaragam dari India, Bangladesh, TLDM dan Royal Marine Band dari United Kingdom di sepanjang Jalan Pesiaran Putera, Kuah, pada 13 Okt ini.

Persembahan sejauh lebih tiga km itu akan bermula dari Dataran Helang, mercu tanda Langkawi, bergerak sehingga ke hotel Tiara di sini.

Sementara itu, beliau meminta pengusaha bot pelancong supaya tidak belayar terlalu rapat dengan kapal-kapal yang sedang berlabuh di sekitar perairan Tanjung Malai sambil meminta bot-bot kecil supaya berhati-hati ketika di laut kerana keadaan laut yang sentiasa beralun kuat.

-- BERNAMA
NH PR